



## **IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**

---

### **ARAHAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA BERHUBUNG PROSEDUR PELESENAN DI BAWAH SEKSYEN 23 AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981**

**BIL. 2 / 2018**

---

#### **1.0 PENDAHULUAN**

Arahan Ketua Pengarah Bil. 1/2018 ini dikeluarkan susulan daripada penguatkuasaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 [Akta 246 (Pindaan) 2017] berkuatkuasa mulai 1 Februari 2018.

#### **2.0 TUJUAN**

Tujuan arahan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua agensi berhubung keperluan mengemukakan permohonan lesen mengikut kategori lesen dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta 246 (Pindaan) 2017.

#### **3.0 PROSEDUR PERMOHONAN LESEN AGENSI**

##### **3.1 Lesen baharu**

3.1.1 Permohonan lesen A, lesen B atau lesen C hendaklah mematuhi semua syarat di bawah seksyen 9 Akta 246 dan menggunakan borang-borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan.

- 3.1.2 Suatu agensi pekerjaan swasta boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk menukar kategori lesennya mengikut kategori lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan fi proses sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.
- 3.1.3 Apabila lesen diberikan oleh Ketua Pengarah di bawah sesyen 9A, agensi pekerjaan swasta hendaklah mendepositkan wang jaminan kepada Ketua Pengarah mengikut kategori lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua
- 3.1.4 Agensi induk diwajibkan mempunyai ISO 9001:2015. Bagi agensi yang baharu beroperasi, syarat ini hendaklah dipatuhi selepas beroperasi selama 4 tahun. Bagi APS yang mempunyai lesen sedia ada, pematuhan kepada ISO 9001: 2015 perlu dipatuhi bagi pembaharuan pertama.

## **3.2 Penubuhan agensi cawangan**

- 3.2.1 Kategori lesen bagi agensi cawangan hendaklah mempunyai aktiviti yang sama atau kurang daripada kategori lesen agensi induk.
- 3.2.2 Suatu agensi pekerjaan swasta yang bercadang menubuhkan suatu cawangan hendaklah:
  - 3.2.2.1 membuat permohonan kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan aktiviti merekrut dalam cawangan itu.
  - 3.2.2.2 Memastikan agensi induk hendaklah membuat sekurang-kurangnya 60 penempatan pekerja tempatan dalam setahun.
  - 3.2.2.3 Mengemukakan Laporan Tahunan Kewangan agensi induk yang menunjukkan keuntungan untuk tempoh 2 tahun berturut-turut.

- 3.2.2.4 Agensi induk yang ingin memohon penubuhan cawangan hendaklah menyatakan alamat cawangan baru di dalam dokumen SSM.
- 3.2.2.5 mendeposit Wang jaminan hendaklah secara tunai atau bank deraf atau jaminan kewangan (*bank guarantee*) atas nama Ketua Pengarah Tenaga Kerja. daripada Ketua Pengarah selepas menerima notis secara bertulis daripada JTK
- 3.2.2.6 Membayar wang jaminan dalam bentuk bank deraf , wang pos atau wang tunai bagi setiap cawangan mengikut jumlah yang dinyatakan dalam Jadual 2.
- 3.2.2.7 Mana-mana agensi yang mempunyai lebih daripada satu cawangan hendaklah menetapkan satu agensi yang akan berfungsi sebagai agensi induk dan memaklumkan secara bertulis mengenainya kepada Ketua Pengarah.

## **4.0 TANGGUNGJAWAB AGENSI**

Agensi mempunyai tanggungjawab yang perlu dipenuhi terhadap golongan berikut:

### **A. Pencari Kerja/Pekerja**

- i. Memastikan semua pencari kerja diberi kontrak perkhidmatan dan ditawarkan gaji tidak kurang daripada yang ditetapkan di bawah Perintah Gaji Minimum semasa; dan
- ii. Memastikan pencari kerja luar negara, pekhidmat domestik asing dan pekerja bukan warganegara telah mematuhi proses dan prosedur yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negara Sumber dan Negara Penerima.

## **B. Majikan**

- i. Memastikan majikan mematuhi undang-undang dan polisi semasa negara; dan
- iii. Memastikan tiada sebarang pendahuluan atau potongan gaji boleh dibuat oleh majikan terhadap pekerja selain daripada yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

## **C. Jabatan Tenaga Kerja**

- i. Setiap agensi hendaklah menyedia, menyenggara dan menyimpan rekod-rekod berikut menggunakan Borang mengikut Jadual 1 sekurang-kurangnya bagi tempoh enam tahun:
  - a. Pendaftaran pencari kerja;
  - b. Pendaftaran majikan;
  - c. Kekosongan pekerjaan;
  - d. Penempatan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara;
  - e. Rekod fi yang dipungut; dan
  - f. Akuan penerimaan pekerja oleh majikan daripada agensi
- ii. Borang 8, 9, 10 dan 11 yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada PTK/JTK setiap suku tahun atau pada bila-bila masa sekiranya diminta oleh Ketua Pengarah.

**JADUAL 1**  
**Borang Berkaitan Penyediaan, Penyenggaraan Dan Penyimpanan Rekod**

<b>Bil</b>	<b>Jenis permohonan/lesen</b>	<b>Jenis borang</b>	<b>Seksyen</b>
1	Rekod pendaftaran, penempatan pencari kerja dan pekerja bukan warganegara dan rekod fi dipungut	Borang 8	Seksyen 19 (1)
2	Rekod pendaftaran majikan dan rekod fi dipungut	Borang 9	Seksyen 19 (1)
3	Rekod kekosongan pekerjaan	Borang 10	Seksyen 19 (1)
4	Akuan penerimaan pekerja oleh majikan daripada agensi	Borang 11	Seksyen 19(1)(f)

## **5.0 WANG JAMINAN**

### **5.1 Penggunaan Wang Jaminan**

Sekiranya terdapat apa-apa pelanggaran yang memerlukan penggunaan wang jaminan bagi tujuan menyelamatkan mangsa, wang jaminan yang didepositkan oleh agensi boleh digunakan selepas menerima notis secara bertulis daripada Ketua Pengarah.

### **5.2 Pemulangan Wang Jaminan**

Agensi yang telah terhenti beroperasi, dibatalkan lesen atau lesennya telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui boleh membuat permohonan bertulis kepada Ketua Pengarah bagi pemulangan wang jaminan dengan menggunakan Borang 7.

### **5.3 Pelucuthakkan Wang Jaminan**

Wang jaminan bagi agensi yang telah terhenti beroperasi, dibatalkan lesen atau lesennya telah tamat tempoh dan tidak diperbaharui dan

tidak dituntut dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pemberhentian operasi atau habis tempoh lesen akan dilucuthakkan selepas habis 3 bulan dari tarikh Warta.

#### **5.4 Memastikan jumlah wang jaminan mencukupi pada setiap masa**

Mana-mana wang jaminan yang telah digunakan dengan kelulusan Ketua Pengarah hendaklah digantikan semula dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

#### **5.5 Mengemukakan Laporan Tahunan Kewangan**

Borang permohonan pembaharuan dan membuka agensi cawangan hendaklah disertakan dengan Laporan Tahunan Kewangan terkini sepanjang tempoh beroperasi.

### **6.0 DOKUMEN PENGENALAN DIRI**

**Dokumen pengenalan diri bagi pekerja agensi yang dilantik untuk menjalankan aktiviti merekrut**

- i. Agensi hendaklah membuat permohonan dokumen dan penggantian dokumen pengenalan diri bagi pekerjanya yang menjalankan aktiviti merekrut seperti di Jadual 5. Pekerja bagi maksud menjalankan aktiviti merekrut termasuklah Pengarah, Pengurus dan Pegawai Khidmat Pekerjaan.
- ii. Pemohon dokumen pengenalan diri mestilah telah bekerja dengan APS yang sama sekurang-kurangnya 6 bulan.
- iii. Semasa permohonan dokumen pengenalan diri dibuat, pemohon perlu mengemukakan penyata caruman KWSP sebagai bukti pekerjaan dengan majikan.

- iv. Dokumen pengenalan diri hendaklah sentiasa dipakai oleh orang yang menjalankan aktiviti merekrut sepanjang masa menjalankan aktiviti perekrutan dan hendaklah dikemukakan apabila diminta oleh Pegawai JTK.
- v. Dokumen pengenalan diri itu hendaklah dikembalikan kepada JTK sekiranya orang yang menjalankan aktiviti merekrut tersebut tidak lagi menjalankan aktiviti perekrutan.
- vi. Kehilangan dokumen pengenalan diri hendaklah dilaporkan kepada Ketua Pengarah dan permohonan baharu hendaklah dibuat menggunakan Borang 6 seperti di Jadual 2.

**JADUAL 2**  
**Borang Berkaitan Dokumen Pengenalan Diri**

<b>Bil</b>	<b>Jenis permohonan</b>	<b>Jenis borang</b>	<b>Seksyen</b>
1	Dokumen pengenalan diri	Borang 6	Seksyen 13D(1)
2	Penggantian dokumen pengenalan diri		Seksyen 13D(6)

## 7.0 PENGENAAN FI

Fi pendaftaran dan penempatan pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual berikut adalah fi yang boleh dikenakan oleh agensi kepada pencari kerja.

### 7.1 Fi pendaftaran

Agensi boleh mengenakan fi pendaftaran kepada pencari kerja sebagaimana Jadual 3.

**Jadual 3**  
**Kadar Fi Pendaftaran Pencari Kerja**

<b>Bil</b>	<b>Lokasi pekerjaan</b>	<b>Tempoh sah pendaftaran</b>	<b>Kadar</b>
i.	Dalam negara	12 bulan	RM30 dan ke bawah
ii.	Luar Negara	6 bulan	RM50 dan ke bawah

## **7.2 Fi penempatan**

Fi penempatan boleh dikenakan kepada pencari kerja atau majikan. Sekiranya fi telah dikenakan oleh agensi kepada majikan, tiada fi boleh dikenakan oleh agensi kepada pencari kerja berdasarkan peruntukan seksyen 14B(3).

Kadar fi penempatan yang boleh dikenakan oleh agensi terhadap pencari kerja adalah seperti di Jadual 4.

**Jadual 4  
Kadar Fi Penempatan**

<b>Bil</b>	<b>Kategori pencari kerja dan lokasi penempatan</b>	<b>Kadar</b>
i.	Pencari kerja tempatan yang bekerja di dalam negara	Tidak melebihi 25% daripada gaji pokok bulanan pertama pekerja
ii.	Pencari kerja tempatan yang bekerja di luar negara	Tidak melebihi 25% daripada gaji pokok bulanan pertama pekerja
iii.	Pekerja bukan warganegara yang bekerja di dalam negara	Tidak lebih daripada satu bulan gaji pokok bulan pertama pekerja

## **7.3 Tiada pengenaan fi selain daripada dinyatakan dalam perenggan 7.1 dan 7.2**

Tiada apa-apa fi boleh dikenakan oleh agensi kepada pencari kerja selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan 7.1 dan 7.2. Apa-apa kos lain yang terlibat di dalam proses penempatan pekerjaan selain daripada yang dinyatakan di atas hendaklah ditanggung oleh pihak majikan.

## **8.0 PENGANTUNGAN/ PEMBATALAN LESEN**

Agensi boleh dikenakan tindakan pengantungan atau pembatalan lesen dalam keadaan berikut:

- a) telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- b) tidak mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan oleh Ketua Pengarah;
- c) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta atau Pengarah Agensi Pekerjaan Swasta itu telah ditahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa;
- d) telah digulungkan atau selainnya dibubarkan;
- e) tidak mematuhi apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta;
- f) telah mendorong pengeluaran lesen dengan representasi palsu tentang fakta;
- g) telah menggunakan lesen yang diberikan di bawah Akta bagi maksud yang menyalahi undang-undang ; atau
- h) telah berhenti menjalankan aktiviti merekrut.

## **9.0 KESALAHAN CAWANGAN AGENSI**

Mana-mana kesalahan selain daripada perkara-perkara di atas yang dilakukan oleh cawangan agensi tidak akan menyebabkan operasi cawangan agensi lain terjejas, digantung atau dibatalkan.

## **10.0 PENUTUPAN AGENSI INDUK DAN PERTUKARAN STATUS AGENSI CAWANGAN KE INDUK ATAU SEBALIKNYA**

- 10.1 Jika agensi induk berhenti daripada menjalankan operasi, satu daripada agensi cawangan hendaklah berfungsi sebagai agensi induk.

**10.2** Mana-mana agensi cawangan yang bertukar status kepada agensi induk atau sebaliknya, hendaklah mematuhi syarat-syarat wang jaminan seperti mana yang ditetapkan dan perlu dikemaskini dengan SSM.

## **11.0 PERPINDAHAN AGENSI KE LOKASI LAIN**

Agensi hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengarah berhubung pertukaran alamat ke tempat yang baru dan perlu dikemaskini dengan SSM.

## **12.0 PREMIS**

Setiap agensi hendaklah mempunyai premis mengikut penetapan berikut:-

### **12.1 Lokasi**

- i. Mudah dihubungi oleh pengangkutan awam dan berada di tempat awam;
- ii. Tidak berhampiran dengan premis yang menjalankan aktiviti yang menjurus kepada kegiatan tidak bermoral.

### **12.2 Papan Tanda Agensi**

Papan tanda agensi yang mengandungi nama dan nombor lesen hendaklah dipamerkan di setiap premis agensi supaya mudah dilihat oleh orang awam.

### **12.3 Jenis bangunan**

- i. Bangunan yang berstatus perniagaan atau rumah kedai sahaja.

- ii. Bukan rumah kediaman melainkan statusnya telah ditukar kepada bangunan untuk kegunaan perniagaan atau komersial, SOHO (*Small Office Home Office*)/ SOVO (*Small Office Virtual Office*).

### **13.0 AKTIVITI YANG DIBENARKAN DAN AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN MENGIKUT KATEGORI**

#### **Kategori Lesen A**

<b>AKTIVITI DIBENARKAN</b>	<b>AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti perekrutan bagi pekerja tempatan sahaja</li> <li>• Mengadakan sesi latihan/penyesuaian kerja bagi pekerja tidak melebihi tiga hari.</li> <li>• Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya, karnival pekerjaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyumberluaran tenaga kerja (Outsourcing).</li> <li>• Menempatkan pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara.</li> <li>• Menempatkan pekerja tempatan ke tempat dan jenis pekerjaan yang menyalahi undang-undang negara.</li> <li>• Menjalankan aktiviti menguruskan penginapan dan pengangkutan pekerja.</li> <li>• Menjalankan aktiviti merekrut menggunakan lesen APS lain.</li> <li>• Mendedahkan maklumat pencari kerja tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.</li> </ul>

#### **Kategori Lesen B**

<b>AKTIVITI DIBENARKAN</b>	<b>AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti perekrutan bagi pekerja tempatan dan pekerja domestik asing sahaja</li> <li>• Mewakili majikan dalam urusan permohonan, pengambilan dan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyumberluaran tenaga kerja (Outsourcing).</li> <li>• Merekрут dan membuat penempatan bagi pekerja bukan</li> </ul>

<p>penempatan pekerja domestik asing (termasuk urusan dengan agensi kerajaan seperti KDN, JTK, JIM dan lain-lain)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan di luar negara.</li> <li>• Mengadakan sesi latihan/penyesuaian kerja bagi pekerja tidak melebihi tiga hari.</li> <li>• Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya, karnival pekerjaan.</li> </ul>	<p>warganegara.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menempatkan pekerja domestik asing selain daripada sektor yang dibenarkan.</li> <li>• Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan yang menyalahi undang-undang negara dan negara penerima.</li> <li>• Menjalankan aktiviti menguruskan penginapan dan pengangkutan pekerja.</li> <li>• Menjalankan aktiviti merekrut menggunakan lesen APS lain.</li> <li>• Mendedahkan maklumat pencari kerja tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.</li> </ul>
--	---

### Kategori Lesen C

AKTIVITI DIBENARKAN	AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan aktiviti merekrutan bagi pekerja tempatan, pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara mengikut undang-undang, dasar dan prosedur yang ditetapkan.</li> <li>• Mewakili majikan dalam urusan permohonan, pengambilan dan penempatan pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara (termasuk urusan dengan agensi kerajaan seperti KDN, JTK, JIM dan lain-lain)</li> <li>• Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan di luar negara.</li> <li>• Mengadakan sesi latihan/penyesuaian kerja bagi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyumberluaran tenaga kerja (Outsourcing).</li> <li>• Menempatkan pekerja domestik asing dan pekerja bukan warganegara selain daripada sektor yang dibenarkan.</li> <li>• Menempatkan pekerja tempatan ke dalam pekerjaan yang menyalahi undang-undang negara dan negara penerima.</li> <li>• Menjalankan aktiviti menguruskan penginapan dan pengangkutan pekerja.</li> <li>• Menjalankan aktiviti merekrut menggunakan lesen APS lain</li> </ul>

<p>pekerja tidak melebihi tiga hari.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan seminar kerjaya, perunding kerjaya, penasihat kerjaya, karnival pekerjaan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendedahkan maklumat pencari kerja tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.</li> </ul>
--	---

## 14.0 PENALTI AM

Semua agensi yang melaksanakan aktiviti merekrut hendaklah memiliki lesen dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tenaga Kerja. Agensi yang beroperasi tanpa lesen yang sah adalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 7 Akta 246 dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## 15.0 TARIKH KUAT KUASA

Arahan ini adalah berkuat kuasa 1 Februari 2018.

## 16.0 PEMBATALAN ARAHAN

Arahan Ketua Pengarah dalam senarai berikut adalah terbatal.

- (i) Bil. 1/ 1997 – Pertukaran Mandatori Nama Semua Agensi Pekerjaan Swasta Yang Telah Berdaftar Di Bawah Akta 246 Kepada "Agensi Pekerjaan..."
- (ii) Bil. 1/ 2001 – Permohonan Endorsan
- (iii) Bil. 1/ 2009- Syarat-syarat baru permohonan lesen, membuka cawangan dan endorsan/bagi agensi pekerjaan swasta
- (iv) Bil. 1/ 2010 – Penggunaan Portal Jobsmalaysia Link-Up
- (v) Bil. 1/ 2011 (APS Link-up)
- (vi) Bil. 1/ 2012 – Larangan menjalankan aktiviti yang tidak dibenarkan; 1/2013- Lanjutan CFL

( DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM )  
 Ketua Pengarah Tenaga Kerja  
 Semenanjung Malaysia

Tarikh : 25 JANUARI 2018